

Rangka dasar dengan teliti jamin tingkat pemilikan saham Bumiputera

• Tanpa sumber kewangan mencukupi, syarikat mungkin bergelut untuk bersaing dalam landskap korporat. Seperti diketahui, syarikat tersenarai di Bursa Malaysia ialah syarikat cekap, berdaya maju dan telus yang juga ciri-ciri untuk syarikat tersenarai dalam pasaran saham

• Inisiatif akan dirancang perlu dirangka dengan teliti untuk menjamin peningkatan pemilikan saham Bumiputera dan mencapai mandat objektif DEB, iaitu pemilikan 30 peratus saham Bumiputera dalam pasaran saham

Oleh Dr Ahmad Hakimi Tajuddin
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Pasaran saham Malaysia mempunyai beberapa ciri unik berbanding pasaran global, antaranya peruntukan saham Bumiputera sebanyak 30 peratus dikenakan kepada syarikat ingin disenaraikan.

Dasar ini diperkenalkan pada 1976 dengan mewajibkan syarikat bakal disenaraikan di Bursa Malaysia untuk memperuntukkan peratusan itu daripada jumlah saham dikeluarkan kepada pelabur Bumiputera.

Dasar diperkenalkan kerajaan ini untuk memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam pasaran saham. Ia sejajar dengan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

DEB bertujuan mengubah struktur ekonomi untuk memisahkan sesuatu kaum daripada peranan ekonomi dan meningkatkan pemilikan Bumiputera serta penyertaan korporat kepada 30 peratus menjelang 1990, daripada hanya 2.4 peratus pada 1970.

Berdasarkan pemerhatian, pemilikan Bumiputera meningkat dari hanya 2.4 peratus pada 1970 kepada 19.3 peratus pada 1990. Pada 2010, pemilikan Bumiputera meningkat sedikit kepada 23 peratus.

Bagaimanapun, pada 2021, berlaku kemerosotan kepada 17.2 peratus. Walaupun hampir separuh abad pelaksanaannya, kuota 30 peratus untuk ekuiti Bumiputera masih belum tercapai.

Hal ini menekankan keperluan mendesak untuk mengembiang usaha bagi mencapai dasar ini. Oleh itu, agenda meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam pemilikan saham korporat negara kepada 30 peratus perlu digiatkan.

Pada masa sama, peratusan penyertaan syarikat Bumiputera daripada 1,022 syarikat korporat tersenarai di Bursa Malaysia pada 2023 masih di tahap kurang memuaskan.

Kenyataan Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar, mengenai kekurangan penyertaan Bumiputera dalam syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia adalah satu panggilan penting untuk refleksi dan tindakan segera.

Ini mungkin berpunca daripada terabasnya akses kepada pembiayaan dan pendanaan bagi memulau atau memperluaskan perniagaan. Kekurangan akses ini boleh membatasi keupayaan syarikat Bumiputera memulakan perniagaan baharu

atau mengembangkan perniagaan sedia ada.

Tanpa sumber kewangan mencukupi, syarikat mungkin bergelut untuk bersaing dalam landskap korporat. Seperti diketahui, syarikat tersenarai di Bursa Malaysia ialah syarikat cekap, berdaya maju dan telus yang juga ciri-ciri untuk syarikat tersenarai dalam pasaran saham.

Justeru, kerjasama antara sektor awam dengan swasta, termasuk institusi kewangan, boleh menjadi kunci dalam menyokong pertumbuhan perniagaan Bumiputera. Komitmen bersama untuk membabitkan dan membimbing usahawan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi akan membawa impak positif dalam jangka panjang.

Dasar diperkenalkan tidak hanya membabitkan pemilikan saham semata-mata, tetapi lebih kepada menyesuaikan strategi untuk memperkasa objektif berkenaan

Tingkatkan peluang kembangan syarikat

Dengan demikian, pembabitkan syarikat Bumiputera dalam pasaran saham tempatan perlu dipertingkatkan bagi memastikan mereka mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Oleh itu, syarikat Bumiputera perlu lebih proaktif dalam pembabitkan dalam pasaran saham yang bukan hanya bertujuan menambah modal, bahkan membuka peluang untuk mengembangkan syarikat di luar negara.

Justeru, kerajaan perlu merancang beberapa inisiatif baharu dalam memperkasa pemilikan saham Bumiputera. Namun, dasar diperkenalkan tidak hanya membabitkan pemilikan saham semata-mata, tetapi lebih kepada menyesuaikan strategi untuk memperkasa objektif berkenaan.

Ini termasuk peralihan daripada fokus kepada syarikat terpilih kepada pembabitkan lebih meluas merangkumi usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Peralihan ini bertujuan memupuk kelas pertengahan Bumiputera kukuh yang mampu mempromosikan pertumbuhan perniagaan, meningkatkan pendapatan dan meningkatkan nilai ekonomi negara.

Penelitian lebih menyeluruh perlu dibuat untuk

mengenal pasti punca ketidakseimbangan ini, manakala langkah meningkatkan peluang keusahawanan dan kepemilikan Bumiputera dalam sektor perniagaan perlu dipastikan memiliki penyelesaian holistik dan efektif.

Selain itu, diharapkan inisiatif yang akan dilaksanakan kerajaan nanti tidak meminggirkan pelabur tempatan dan asing agar pasaran saham Malaysia kekal menarik serta berdaya saing yang penting dalam meningkatkan nilai mata wang ringgit.

Hal ini selaras dengan tekad pertama ditekankan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024, iaitu untuk mempertahankan agenda Bumiputera sedia ada. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, KEB2024 akan menjadi agenda penting Kerajaan MADANI bagi merombak dan melonjak pembangunan sosioekonomi Bumiputera secara menyeluruh.

Tindakan ini sangat penting supaya sosioekonomi Bumiputera berkembang maju secara progresif dan inovatif. Dalam KEB 2024, kerajaan menegaskan tanggungjawab untuk mempertahankan agenda Bumiputera sedia ada. Justeru, agensi pelaksana diamanahkan pula perlu terus melaksanakan mandat dan tidak melupakan asas penubuhan mereka.

Antara agensi pelaksanaan, termasuk pemilikan individu, institusi kepentingan Bumiputera seperti Lembaga Tabung Haji (TH), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Agensi amanah yang diberi mandat oleh kerajaan seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Ekuiti Nasional Berhad (EKUNAS), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang perlu lebih serius dalam melaksanakan agenda nasional ini.

Penyelarasan dasar afirmatif sedia ada sangat penting untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pasaran saham, memastikan keadilan, kesamarataan dan inklusiviti.

Oleh itu, inisiatif akan dirancang perlu dirangka dengan teliti untuk menjamin peningkatan pemilikan saham Bumiputera dan mencapai mandat objektif DEB, iaitu pemilikan 30 peratus saham Bumiputera dalam pasaran saham.

Dengan demikian kita boleh mengharapkan kepelbagaian lebih baik dalam kepemilikan syarikat dan pertumbuhan ekonomi lebih inklusif. Meja bulat dengan semua pihak berkepentingan adalah diperlukan untuk menyempurnakan, menyelaraskan dan merangka inisiatif baharu dalam usaha mencapai matlamat dikehendaki.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH